Penyata kewangan Kumpulan dan MAIM telah disediakan mengikut kehendak-kehendak Akta Syarikat 1965 dan Badan Berkanun 1980 diubahsuai mengikut Tatacara Kewangan dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis dan Piawaian-Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Piawaian perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten sepanjang tempoh kewangan yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna pakai secara konsisten oleh entiti-entiti dalam Kumpulan, melainkan dinyatakan sebaliknya. Beberapa jumlah perbandingan telah diklasifikasi semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

(i) Asas pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan MAIM telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah.

(ii) Matawang fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu matawang fungsian Kumpulan dan MAIM.

(iii) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan ini memerlukan pihak pengurusan membuat beberapa pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada aplikasi polisi perakaunan dan amaun yang dilaporkan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar barangkali berbeza daripada anggaran berkaitan.

Anggaran dan andaian asas adalah dikaji secara berterusan. Pindaan kepada anggaran perakaunan adalah diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut dipinda dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang terlibat.

(b) Asas penyatuan

Syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di bawah kawalan MAIM. Kawalan wujud apabila MAIM mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk menentukan polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah syarikat dengan tujuan untuk mendapat faedah daripada aktiviti syarikat tersebut.

Penyata kewangan syarikat subsidiari diambil kira ke dalam penyata kewangan yang disatukan bermula dari tarikh berkuat kuasa kawalan sehingga ke tarikh berkuat kuasa kawalan berakhir. Syarikat subsidiari disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan untuk pengambilalihan.

Sesebuah syarikat subsidiari dikeluarkan dari penyatuan apabila kawalan hanya untuk sementara waktu jika syarikat subsidiari itu diambil alih dan dipegang secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual pada masa hadapan yang terdekat dan tidak disatukan sebelumnya atau ia beroperasi di bawah halangan jangka panjang yang menjejaskan dengan ketara keupayaannya untuk memindahkan dana kepada syarikat. Syarikat subsidiari yang dikeluarkan berdasarkan alasan ini diambil kira sebagai pelaburan.

Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari ini dikira sebagai muhibah atau rizab penyatuan, mana-mana yang bersesuaian.

Mengikut kaedah perakaunan untuk pengambilalihan, kedudukan kewangan syarikat subsidiari yang diambil alih atau dijual bagi sepanjang tahun perakaunan diambil kira dari tarikh pengambilalihan atau sehingga ke tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama ke atas aset bersih syarikat subsidiari ditentukan dan nilai ini diambil kira ke dalam penyata kewangan Kumpulan.

Semua urusan dagang dan baki di antara syarikat subsidiari dan sebarang keuntungan belum nyata yang terbit dari urusan dagang tersebut dihapuskan dalam penyatuan. Kerugian yang belum direalisasikan yang terhasil daripada urusan dagang dalam Kumpulan juga dihapuskan kecuali apabila kos tidak boleh diperolehi semula.

(c) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan kecuali tanah milik bebas dan kerja dalam pembinaan dinyatakan pada kos/penilaian ditolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak lagi digunakan secara aktif dan dipegang untuk dijual semula dinyatakan pada nilai terendah antara nilai buku dan nilai boleh diperolehi.

Susutnilai

- (i) Tanah milik bebas dan kerja dalam pembinaan tidak dilunaskan. Kaedah garis lurus digunakan untuk menghapuskan kos aset yang lain bagi tempoh usia guna pada asas kadar tahunan berikut:

Bangunan	2% setiap tahun
Pembaikan dan pengubahsuaian bangunan	10% setiap tahun
Kenderaan	25% bagi tahun pertama 10% bagi tahun seterusnya
Perabot, lekapan dan kelengkapan pejabat	25% bagi tahun pertama 10% bagi tahun seterusnya
Tanah	Mengikut tempoh pajakan

∴ Bagi bangunan Wakaf Khas Kg. Hulu dan Kg. Keling tidak dikenakan susutnilai

(d) Pajakan kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan dan MAIM menanggung kebanyakan risiko dan ganjaran pemilihan aset adalah pajakan kewangan. Aset yang diperolehi melalui pajakan kewangan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara nilai saksama dan nilai kini bagi pembayaran minima pada tarikh permulaan pajakan tersebut, ditolak susutnilai terkumpul.

Untuk mengira nilai kini bayaran minima pajakan, kadar diskaun adalah kadar faedah tersirat di dalam pajakan; sekiranya praktikal, jika tidak, kadar tambahan pembiayaan Kumpulan akan digunakan.

(e) Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos, selepas ditolak elaun rosotnilai. Elaun rosotnilai dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud pengurangan nilai bukan bersifat sementara terhadap pelaburan tersebut.

Pelaburan dalam saham tercatat dan saham tidak tercatat dinyatakan pada kos, selepas ditolak elaun rosotnilai. Elaun rosotnilai dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud pengurangan nilai bukan bersifat sementara terhadap pelaburan tersebut.

(f) Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang

Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang dinyatakan pada kos, selepas ditolak elaun kerugian. Elaun kerugian dibuat bagi hutang tidak berbayar yang telah dikaji satu persatu dan dikenal pasti secara spesifik sebagai lapuk atau ragu.

Hutang lapuk yang sudah dikenalpasti akan dilupuskan dan peruntukan akan dibuat untuk mana-mana hutang yang dianggap sebagai hutang ragu untuk dikutip. Secara amnya, segala hutang tertunggak melebihi 12 bulan dianggap hutang ragu kecuali boleh dibuktikan sebaliknya.

Hapuskira hutang lapuk melebihi 6 tahun dilaksanakan sepertimana yang terkandung dalam 'Limitation Act 1953' Bahagian 2 Seksyen 6. Pinjaman yang tidak dapat dikutip atau sebahagian dan pinjaman yang dianggap sebagai lapuk akan dihapuskan selepas mengambilkira nilai cagaran yang boleh diperolehi, jika ada, dan pada pendapat pihak pengurusan tidak ada potensi untuk menerima bayaran'.

(g) Pemiutang

Pemiutang perniagaan dan pelbagai pemiutang dinyatakan pada kos.

(h) Tanah untuk pembangunan hartanah

Tanah untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah atau sebahagian daripada tanah yang mana tiada aktiviti pembangunan telah dijalankan atau yang mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan. Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasikan sebagai aset jangka panjang dan dinyatakan pada kos tolak rosotnilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasikan semula sebagai kos pembangunan tanah apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan apabila dapat ditunjukkan bahawa aktiviti pembangunan tersebut dapat disiapkan dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan.

Kos yang berkaitan dengan pembelian tanah adalah termasuk harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

(i) Kos pembangunan hartanah

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada kos yang berkaitan dengan pembelian tanah dan kesemua kos yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang dapat diuntukkan kepada aktiviti-aktiviti terbabit menggunakan kaedah yang munasabah.

Kos yang dibelanjakan ke atas projek pembangunan yang mana aktiviti pembangunan tersebut dijangka akan siap dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan selama 2 atau 3 tahun diklasifikasikan sebagai aset semasa. Kos umum diuntukkan ke projek pembangunan masa hadapan yang berada dalam lokasi geografi yang sama dengan projek pembangunan sedia ada diklasifikasikan sebagai aset jangka panjang.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh diperolehi.

Lebih pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan ke atas jumlah yang dituntut daripada pembeli dinyatakan sebagai bil terakru dalam penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang, manakala lebih jumlah yang dituntut daripada pembeli ke atas jumlah pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan dinyatakan sebagai bil kemajuan dalam pemiutang perniagaan dan pelbagai pemiutang.

(j) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih dengan menggunakan kaedah purata wajaran sebagai asas utama pengiraan kos.

Barang-barang stor dinyatakan pada kos berdasarkan nilai yang di invoice oleh pembekal.

(k) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan berkecaraan tinggi yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai. Untuk tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dinyatakan bersih dari overdraf bank dan deposit dicagarkan.

(l) Kos pembiayaan yang dipermodalkan

Kos pembiayaan yang terlibat dalam kerja kontrak dalam pembinaan, kos pembangunan hartanah dan jumlah kasar terhutang daripada pelanggan kontrak adalah dipermodalkan. Kos pembiayaan yang dipermodalkan akan berakhir apabila aset tersebut telah bersedia untuk digunakan bagi tujuan yang sepatutnya.

Kadar permodalan yang digunakan untuk menentukan jumlah kos pembiayaan yang layak untuk dipermodalkan ialah purata wajar kos pembiayaan yang berkaitan dengan pembiayaan syarikat subsidiari yang masih belum dibayar sepanjang tahun, selain daripada pembiayaan yang dibuat khusus untuk membiayai kerja kontrak dalam pembinaan, hartanah dalam pembangunan, dan jumlah kasar terhutang daripada pelanggan kontrak, di mana dalam situasi ini kos pembiayaan sebenar yang terlibat dalam pembiayaan tersebut ditolak sebarang pendapatan dari pelaburan sementara ke atas pembiayaan tersebut, akan dipermodalkan.

Seandainya kerja-kerja aktif pembangunan tersebut tergendala, permodalan kos pembiayaan akan dihentikan sementara bagi sepanjang tempoh tersebut.

(m) Cukai

Cukai pendapatan syarikat subsidiari atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa adalah terdiri daripada cukai tahun semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai yang dijangka daripada cukai pendapatan perlu dibayar berhubung keuntungan boleh dicukai tahun semasa dikira berdasarkan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh lembaran imbalan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbalan di antara asas-asas aset dan liabiliti serta nilai dibawanya di dalam penyata pendapatan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai. Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada tahap berkemungkinan terdapatnya keuntungan yang boleh dikenakan cukai di masa hadapan boleh diperolehi dari aset yang digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh lembaran imbalan.

(n) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan-kakitangan Kumpulan dan MAIM.

(ii) Pelan caruman tetap

Kumpulan dan MAIM membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim pencen yang diiktiraf untuk kakitangan. Caruman ini merupakan pelan caruman tetap yang mana caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

(o) Pendapatan

(i) Pendapatan dari pelaburan

Keuntungan dari pelaburan yang menurut hukum-hukum syarak diiktiraf di dalam penyata pendapatan secara akru.

Dividen dari pelaburan diiktiraf secara akru apabila hak untuk menerima dividen telah diiktiraf dan disahkan oleh syarikat pelaburan.

(ii) Barangan jualan dan perkhidmatan

Pendapatan daripada penjualan barangan dikira pada nilai saksama pendapatan yang akan diterima dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila semua risiko dan ganjaran hakmilik telah dipindahkan kepada pembeli.

Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan telah dilaksanakan. Apabila hasil dari urusanniaga itu tidak dapat dianggarkan secara tepat, pendapatan diiktiraf hanya setakat perbelanjaan yang diiktiraf yang dapat diperolehi semula.

(p) Perbelanjaan

(i) Kos pembiayaan

Semua kos pembiayaan dan lain-lain kos yang berkaitan dengan pembiayaan diambil kira di dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku kecuali kos pembiayaan yang dipermodalkan seperti dinyatakan di dalam nota 2(q) kepada penyata kewangan.

(q) Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan MAIM mempunyai obligasi semasa yang disebabkan oleh peristiwa lepas dan ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber yang membentuk faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh lembaran imbalan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran terbaik semasa. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai semasa daripada perbelanjaan dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi.

(r) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah tanah dan bangunan pejabat yang dipegang untuk memberi pulangan sewa atau peningkatan nilai aset atau keduanya dan tidak didiami secara ketara oleh Kumpulan dan MAIM. Pelaburan hartanah direkodkan pada kos ditolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul. Perbezaan antara nilai buku dan harga jualan bersih direkodkan sebagai keuntungan/kerugian di dalam penyata pendapatan. Kadar dan kaedah susutnilai adalah seperti dinyatakan di Nota 2(c)(i).

(s) Perbelanjaan Tertunda

Perbelanjaan tertunda adalah belanja yang menggunakan peruntukan wang zakat di bawah asnaf fisabilillah bagi pembelian Bangunan Marwah di Mesir. Perbelanjaan tertunda ini akan dilunaskan secara garis lurus untuk tempoh 20 tahun.

(t) Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja-kerja dalam pelaksanaan ialah kerja-kerja pembinaan atau ubahsuai yang menaiktaraf harta modal bangunan dan kemudahan serta perolehan harta alih modal yang termasuk dalam kerja-kerja pembinaan atau ubahsuai yang menaiktaraf harta modal bangunan dan kemudahan yang belum disempurnakan pada akhir tahun tempoh kewangan.

Pengiktirafan kos kerja-kerja dalam pelaksanaan dibuat berdasarkan perakuan penerimaan barang/perakuan pengesahan kerja/sijil bayaran kemajuaan ke atas sebahagian harta yang telah dibekalkan/sebahagian kerja yang telah diselesaikan.

Kos terkumpul kerja-kerja dalam pelaksanaan akan dipermodalkan/diselaraskan apabila keseluruhan item yang dinyatakan dalam pesabab jabatan telah sempurna dibekalkan/kerja yang dinyatakan dalam kontrak telah siap, iaitu berdasarkan perakuan penerimaan barang/perakuan pengesahan kerja/sijil perakuan siap kerja. Ini merangkumi kontrak kerja yang mendapat sijil perakuan separa siap.

3. Hartanah, loji dan peralatan

Kumpulan

	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Peralatan & Kelengkapan Pejabat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM

Kos

Pada 1 Januari 2015	13,124,016	66,355,346	962,404	3,203,116	83,644,882
Belian/Penambahan	1,354,111	1,906,801	482,857	5,154,225	8,897,994
Pelarasan/Pelupusan	(2,367)	(513,000)	(178,724)	—	(694,091)
Pada 31 Disember 2015	14,475,760	67,749,147	1,266,537	8,357,341	91,848,785

Susutnilai terkumpul

Pada 1 Januari 2015	33,721	7,981,499	667,663	2,431,468	11,114,351
Susutnilai tahun semasa	7,475	1,418,762	133,315	1,453,359	3,012,911
Pelarasan/Pelupusan	—	(26,545)	(82,056)	—	(108,601)
Pada 31 Disember 2015	41,196	9,373,716	718,922	3,884,827	14,018,661

Nilai buku bersih

Pada 31 Disember 2015	14,434,564	58,375,431	547,615	4,472,514	77,830,125
Pada 31 Disember 2014	13,090,295	58,373,847	294,741	771,648	72,530,531

Kos

Pada 1 Januari 2015	12,918,722	61,238,521	355,077	433,664	74,945,984
Belian/Penambahan	1,354,111	1,876,750	193,092	4,914,324	8,338,277
Pelarasan/Pelupusan	(2,367)	(150,000)	(96,546)	—	(248,913)
Pada 31 Disember 2015	14,270,466	62,965,271	451,623	5,347,988	83,035,348

Susutnilai terkumpul

Pada 1 Januari 2015	21,922	7,288,642	264,181	309,504	7,884,249
Susutnilai tahun semasa	3,369	1,239,137	48,389	1,258,414	2,549,309
Pelarasan/Pelupusan	—	(9,000)	—	—	(9,000)
Pada 31 Disember 2015	25,291	8,518,779	312,570	1,567,918	10,424,558

Nilai buku bersih

Pada 31 Disember 2015	14,245,175	54,446,492	139,053	3,780,070	72,610,791
Pada 31 Disember 2014	12,896,800	53,949,879	90,896	124,160	67,061,735

- Harta bangunan di peringkat kumpulan pada nilai dibawa RM2,601,605 (2014: RM3,004,629) telah dicagarkan kepada bank berlesen bagi kemudahan pinjaman di bawah perjanjian Bai Bithaman Ajil.
- Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan adalah kenderaan yang dibeli secara sewa beli yang mempunyai nilai buku bersih sebanyak RM1 (2014: RM1).
- Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan adalah kenderaan yang dibeli secara sewa beli yang mempunyai nilai bawaan sebanyak RM90,457 (2014: RM114,300).
- Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan adalah bangunan yang dibeli secara pinjaman yang mempunyai nilai bawaan sebanyak RM767,294 (2014: RM793,857).
- Harta bangunan di peringkat MAIM pada nilai RM444,854 (2014: RM474,466) telah dicagarkan kepada bank berlesen bagi kemudahan pinjaman di bawah perjanjian Bai Bithaman Ajil.

- (f) Termasuk di dalam aset bangunan MAIM adalah pemberian hotel wakaf daripada JAWHAR berjumlah RM18,800,000.
- (g) Termasuk di dalam aset bangunan MAIM adalah penerimaan geran daripada Jabatan Perdana Menteri Malaysia berjumlah RM5,350,000 @ 100 unit rumah bagi Projek Rimbunan Kaseh, Dewan Serbaguna RM379,100, Rumah Tradisional Melayu RM1,410,836, Pusat Pembelajaran RM327,800, Gerai RM235,400 dan Farm Building RM1,206,380.
- (h) Termasuk di dalam aset peralatan pejabat dan kelengkapan MAIM adalah aset kelengkapan perladangan yang diterima melalui Geran dari Kementerian berjumlah RM4,858,100.00.
- (i) Harta bangunan di peringkat MAIM pada nilai RM558,811 telah dicagarkan kepada bank berlesen bagi kemudahan pinjaman di bawah perjanjian Bai Bithaman Ajil.

4. Lain-lain harta

	Kumpulan	
	2015 RM	2014 RM
Lain-lain Harta	583,120	—
	<u>583,120</u>	<u>—</u>

5. Pelaburan dalam syarikat subsidiari

	Majlis Agama Islam Melaka	
	2015 RM	2014 RM
Tak Tersiar Harga		
Saham pada kos:		
Pusat Zakat Melaka Sdn. Bhd.	1,222,852	1,222,852
MAIM Holdings Sdn. Bhd.	1,778,054	1,778,054
Kompleks Falak Al-Khawarizmi Sdn. Bhd.	100,000	100,000
	<u>3,100,906</u>	<u>3,100,906</u>

Berikut adalah syarikat subsidiari MAIM:

No.	Nama Syarikat	Aktiviti Utama	% ekuiti	
			2015	2014
Diperbadankan di Malaysia				
(i)	Pusat Zakat Melaka Sdn. Bhd.	Pengendalian Pungutan Zakat	100%	100%
(ii)	MAIM Holdings Berhad	Pegangan pelaburan, perdagangan am dan kontraktor am	100%	100%
dan syarikat subsidiarinya:				
	MAIM Bentara Sdn. Bhd.		100%	100%

No.	Nama Syarikat	Aktiviti Utama	% ekuiti	
			2015	2014
	MAIM Bentara Security Sdn. Bhd.		100%	100%
	MAIM Industries Sdn. Bhd.		100%	100%
(iii)	Kompleks Falak Al-Khawarizmi Sdn. Bhd.	Perniagaan am, sewaan dewan dan tempat penginapan	100%	100%

Semua syarikat subsidiari MAIM diaudit oleh juruaudit selain daripada Jabatan Audit Negara.

6. Pelaburan ekuiti

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Tersiar Harga				
Saham pada kos	2,562,270	2,731,070	2,387,870	2,387,870
Tolak: Elaun rosotnilai pelaburan terkumpul	(778,361)	(813,169)	(740,761)	(644,369)
	<u>1,783,909</u>	<u>1,917,901</u>	<u>1,647,109</u>	<u>1,743,501</u>
Tak Tersiar Harga				
Saham pada kos	20,000	20,000	—	—
	<u>1,803,909</u>	<u>1,937,901</u>	<u>1,647,109</u>	<u>1,743,501</u>

Harga pasaran saham tercatat 31 Disember 2015—RM3,103,013.34

Pengiraan rosot nilai adalah mengambilkira harga semasa 31 Disember 2015 ke atas jumlah pegangan unit termasuk jumlah dividen yang diterima dalam bentuk unit sehingga 31 Disember 2015.

7. Pelaburan kewangan

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Saham Amanah	1,510,093	1,510,093	1,510,093	1,510,093
Dinar Emas	—	—	—	—
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam	—	700,000	—	700,000
	<u>1,510,093</u>	<u>2,210,093</u>	<u>1,510,093</u>	<u>2,210,093</u>
Tolak: Elaun rosotnilai pelaburan terkumpul	(777,542)	(798,370)	(777,542)	(798,370)
	<u>732,551</u>	<u>1,411,723</u>	<u>732,551</u>	<u>1,411,723</u>

Harga saham amanah tercatat 31 Disember 2015—RM732,550.79

Pengiraan rosot nilai adalah mengambilkira harga semasa 31 Disember 2015 ke atas jumlah pegangan unit termasuk jumlah dividen yang diterima dalam bentuk unit sehingga 31 Disember 2015.

8. Perbelanjaan tertunda

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Perbelanjaan Fisabilillah	4,961,341	5,726,112	4,961,341	5,726,112
Tolak: Pelunasan tahun semasa ke Penyata Pendapatan	764,771	764,771	764,771	764,771
	<u>4,196,570</u>	<u>4,961,341</u>	<u>4,196,570</u>	<u>4,961,341</u>

9. Kerja dalam pelaksanaan

	Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014
	RM	RM
Baki pada awal tahun	6,564,887	1,816,200
Tolak: Pindahan pada tahun semasa	(6,564,887)	(1,189,000)
Tambah: Pertambahan tahun semasa	1,127,772	5,937,487
	<u>1,127,772</u>	<u>6,564,687</u>

Kerja Dalam Pelaksanaan merupakan perbelanjaan modal Majlis Agama Islam Melaka dalam pemilikan bangunan Rumah Kedai di atas PT 121 HS(D). 71151 seluas 177 m.p Pusat Niaga, Bukit Baru, Bandar Baru Seksyen IV, Melaka dan Rumah Teras 1 Tingkat Lot 4017, PM 1948 Mukim Kesang, Daerah Jasin, Melaka.

10. Inventori

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM	RM
Buku dan peralatan sekolah	395,153	397,218
	<u>395,153</u>	<u>397,218</u>

11. Penghutang Perniagaan dan Pelbagai

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN WANG ZAKAT				
Penghutang perniagaan				
Pelbagai penghutang	1,329,981	1,687,831	1,329,981	1,687,831
Pelbagai deposit dan prabayaran	—	—	—	—

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Pendahuluan diberi	—	18,000	—	18,0000
Perbelanjaan terdahulu	60	49,808	60	49,8080
Jumlah	1,330,041	1,755,639	1,330,041	1,755,639
KUMPULAN WANG BAITULMAL				
Penghutang perniagaan				
Penghutang perniagaan	2,441,324	2,093,972	2,441,324	2,093,972
Tolak: Hutang Ragu				
Penebusan harta pesaka	265,770	299,670	265,770	299,670
	2,707,094	2,393,643	2,707,094	2,393,643
Pelbagai penghutang				
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran	145,603	164,849	145,603	164,849
Pembiayaan kakitangan	101,259	60,882	101,259	60,882
Jumlah terhutang daripada syarikat subsidiari	8,401	4,199	368,343	412,342
Pembiayaan jabatan/agensi	280,000	629,703	280,000	629,703
Hasil terakru	4,463	16,130	4,463	16,130
Jumlah	3,246,820	3,269,406	3,606,762	3,677,549
KUMPULAN WANG WAKAF				
Penghutang perniagaan				
Penghutang perniagaan	463,496	408,702	463,496	408,702
Pendahuluan diberi	30,000	—	30,000	—
	493,496	408,702	493,496	408,702
Pelbagai penghutang				
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran	2,126	2,126	2,126	2,126
Jumlah	495,622	410,828	495,622	410,828
SYARIKAT SUBSIDIARI				
Penghutang perniagaan	3,240,460	4,563,644	—	—
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran	2,140,746	1,925,783	—	—
Jumlah	5,381,206	6,489,427	—	—
Penghutang perniagaan dan pelbagai	10,453,689	11,925,300	5,432,425	5,844,016

12. Tunai dan bersamaan tunai

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen:				
Kumpulan Wang Zakat	12,372,840	12,234,093	12,372,840	12,234,093
Kumpulan Wang Baitulmal	2,058,087	2,217,772	2,058,087	2,217,772
Kumpulan Wang Wakaf	900,000	1,100,000	900,000	1,100,000
Syarikat Subsidiari	4,692,933	4,681,026	—	—
	<u>20,023,860</u>	<u>20,232,891</u>	<u>15,330,927</u>	<u>15,551,865</u>
Baki tunai di bank:				
Kumpulan Wang Zakat	18,340,987	21,674,850	18,340,987	21,674,850
Kumpulan Wang Baitulmal	3,672,480	2,079,253	3,672,480	2,079,253
Kumpulan Wang Wakaf	4,506,874	3,221,166	4,506,874	3,221,166
Syarikat Subsidiari	1,558,976	2,500,640	—	—
	<u>28,079,317</u>	<u>29,475,909</u>	<u>26,520,341</u>	<u>26,975,269</u>
Tunai dan bersamaan tunai	<u>48,103,177</u>	<u>49,708,800</u>	<u>41,851,268</u>	<u>42,527,134</u>

13. Pemiutang perniagaan dan pelbagai

KUMPULAN WANG ZAKAT

Pemiutang perniagaan

Pemiutang perniagaan	2,637,540	1,997,721	3,608,264	2,542,787
Deposit diterima	1,740	5,940	1,740	5,940
Wang tahanan	281,449	54,946	281,449	54,946
	<u>2,920,729</u>	<u>2,058,607</u>	<u>3,891,453</u>	<u>2,603,673</u>

Pelbagai pemiutang

Pelbagai terimaan terdahulu	2,635	1,885	2,635	1,885
Faedah atas pinjaman	1,644,821	1,852,498	1,644,821	1,852,498
Jumlah	<u>4,568,185</u>	<u>3,912,990</u>	<u>5,538,909</u>	<u>4,458,056</u>

KUMPULAN WANG BAITULMAL

Pemiutang perniagaan

Pemiutang perniagaan	1,193,821	1,968,654	1,193,821	1,968,654
Deposit diterima	278,280	265,580	278,280	265,580
Wang tahanan	—	—	—	—
	<u>1,472,101</u>	<u>2,234,234</u>	<u>1,472,101</u>	<u>2,234,234</u>

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai pemiutang				
Pelbagai terimaan terdahulu	840,144	715,702	840,144	715,702
Faedah atas pinjaman	2,155,599	1,541,589	2,155,599	1,541,589
Jumlah	4,467,844	4,491,525	4,467,844	4,491,525

KUMPULAN WANG
WAKAF

Pemiutang perniagaan

Pemiutang perniagaan	202,718	212,252	202,718	212,252
Deposit diterima	239,032	167,271	239,032	167,271
Jumlah	441,750	379,523	441,750	379,523

Pelbagai pemiutang

Pelbagai terimaan terdahulu	2,903,386	1,248,536	2,903,386	1,248,536
Jumlah	3,345,136	1,628,059	3,345,136	1,628,059

SYARIKAT SUBSIDIARI

Pemiutang perniagaan	396,797	816,248	—	—
Pelbagai pemiutang dan akruan	4,956,056	5,272,276	—	—
Jumlah	5,352,853	6,088,524	—	—
Pemiutang perniagaan dan pelbagai	17,734,018	16,121,098	13,351,889	10,577,640

14. Overdraf bank

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM	RM
Overdraf bank	—	20,797
	—	20,797

15. Pinjaman

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Jumlah Pinjaman	21,353,060	17,033,945	14,623,387	15,042,623
Faedah Pinjaman	(6,743,792)	(4,627,649)	(3,800,423)	(3,394,088)
Jumlah	14,609,268	12,406,296	10,822,964	11,648,535

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Dalam tempoh 1 tahun	1,619,286	1,531,116	1,421,090	1,382,815
Selepas tempoh 1 tahun	12,989,982	14,136,159	9,401,874	10,265,720
	<u>14,609,268</u>	<u>15,667,275</u>	<u>10,822,964</u>	<u>11,648,535</u>

- (a) Termasuk di dalam pinjaman kumpulan adalah tanggungan jangka panjang di bank berlesen di bawah perjanjian Bai-Bithaman Ajil dan dicagarkan atas 4 buah bangunan rumah kedai di atas tanah Lot H.S (D) 1PT29, PT30 Mukim Bandar Bukit Baru Seksyen IV, PT654 Mukim Melaka Tengah dan PT8568 Mukim Bandar Jasin Bestari.
- (b) Termasuk di dalam pinjaman ini adalah tanggungan jangka panjang selama 20 tahun antara MAIM dan Kerajaan Negeri Melaka bagi pembelian Bangunan Marwah di Mesir.
- (c) Termasuk di dalam pinjaman adalah tanggungan jangka panjang di antara MAIM dan bank berlesen di bawah perjanjian Bai-Bithaman Ajil dan dicagarkan 2 buah bangunan rumah kedai di atas tanah lot PT15063 dan PT15064 Taman Merdeka Permai Mukim Batu Berendam, Melaka Tengah, Melaka.
- (d) Termasuk di dalam pinjaman ini juga adalah pinjaman jangka panjang selama 15 tahun antara MAIM dan Kerajaan Negeri Melaka bagi tujuan menampung kos pengurusan di bawah Baitulmal dan pembangunan Kompleks Majlis Agama Islam Melaka.
- (e) Termasuk dalam pinjaman ini adalah tanggungan jangka panjang selama 5.5 tahun antara Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Wakaf bagi pengambilan balik tanah di atas Lot 79,80,81,82,83,84, 100,101,102,103,104 dan 137 Kawasan Bandar X, Daerah Melaka Tengah bagi tujuan tambahan tapak masjid Kg. Hulu, Daerah Melaka Tengah.
- (f) Termasuk dalam pinjaman ini adalah tanggungan jangka panjang antara MAIM dan bank berlesen di bawah pinjaman Bai-Bithaman Ajil dan dicagarkan 2 buah bangunan kedai di Bukit Katil Damai.
- (g) Termasuk di dalam pinjaman kumpulan adalah tanggungan bercagar di bawah pembiayaan jenis Tawarruq bagi membiayai pembelian bangunan kedai PM 405, Lot No. 2465, dan PM 404, Lot No. 2464 Mukim Bukit Piatu Melaka Tengah.

16. Pemiutang Sewabeli

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM	RM
Jumlah pemiutang sewabeli	299,635	186,893
Faedah pemiutang sewabeli	(36,231)	(7,589)
	<u>263,404</u>	<u>179,304</u>
Tidak lebih dari 1 tahun	75,975	45,564
Lebih dari 1 tahun	187,429	133,740
	<u>263,404</u>	<u>179,304</u>

17. Cukai tertunda

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM	RM
Pada awal tahun kewangan	18,179	20,313
Hasil cukai tertunda berkaitan perbezaan pemasaan terkumpul	(447)	(2,134)
Pada akhir tahun kewangan	17,732	18,179

18. Pendapatan

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN WANG ZAKAT				
Zakat harta	61,749,173	55,019,827	61,749,173	55,019,827
Zakat fitrah	3,631,166	3,569,373	3,631,166	3,569,373
Lain-lain kutipan zakat	1,272,989	1,034,792	1,272,989	1,034,792
Jumlah	66,653,328	59,623,992	66,653,328	59,623,992
KUMPULAN WANG BAITULMAL				
Pendapatan sewa	1,904,642	1,879,291	1,904,642	1,879,291
Keuntungan pelaburan	233,339	1,343,079	233,339	1,343,079
Harta pesaka, faraid, sijil halal	563,654	798,554	563,654	798,554
Faedah bank	8,298	9,550	8,298	9,550
Terimaan daripada Kerajaan Negeri	2,000,000	3,250,000	2,000,000	3,250,000
Faedah pinjaman	5,204	2,054	5,204	2,054
Pelbagai terimaan	12,543,159	1,088,317	12,543,159	1,088,317
Hutang Lapuk Pulih	—	—	—	—
Pelupusan aset	2,182,046	—	2,182,046	—
Jumlah	19,440,342	8,370,845	19,440,342	8,370,845
KUMPULAN WANG WAKAF				
Pendapatan sewa	1,077,911	1,091,922	1,077,911	1,091,922
Faedah bank	9,658	8,222	9,658	8,222
Pelbagai pendapatan	1,233,165	2,337,394	1,233,165	2,337,394
Jumlah	2,320,734	3,437,538	2,320,734	3,437,538
SYARIKAT SUBSIDIARI				
Upah kutipan bayaran zakat	5,156,428	4,632,892	—	—
Yuran pengurusan dan pendapatan kontrak	192,000	298,461	—	—

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
Penjualan buku & alatulis sekolah agama	1,967,767	2,142,480	—	—
Pembersihan dan pengendalian masjid dan menguruskan kursus kahwin	1,328,194	1,340,178	—	—
Perkhidmatan kawalan keselamatan	2,839,422	3,103,043	—	—
Jualan tanah	864,241	857,164	—	—
Perniagaan am, sewa dewan dan tempat penginapan	1,082,330	883,478	—	—
Pelbagai pendapatan	754,908	314,505	—	—
Jumlah	14,185,290	13,572,201	—	—
Jumlah pendapatan	102,599,694	85,004,576	88,414,404	71,432,375

19. Perbelanjaan

KUMPULAN WANG ZAKAT

Asnaf fakir	2,590,936	2,991,041	2,590,936	2,991,041
Asnaf miskin	21,375,337	16,056,416	21,375,337	16,056,416
Asnaf amil	13,607,666	8,017,228	13,607,666	8,017,228
Asnaf muallaf	5,052,997	4,600,295	5,052,997	4,600,295
Asnaf gharimin	3,166,537	70,730	3,166,537	70,730
Asnaf Riqab	600,000	6,300,000	600,000	6,300,000
Asnaf fisabilillah	25,913,284	13,082,479	25,913,284	13,082,479
Asnaf ibnu sabil	30,651	15,985	30,651	15,985
Jumlah	72,337,408	51,134,174	72,337,408	51,134,174

KUMPULAN WANG BAITULMAL

Emolumen	1,972,000	4,277,396	1,972,000	4,277,396
Keraian & hospitaliti	348,515	360,802	348,515	360,802
Penyelenggaraan & pembaikan	684,285	348,412	684,285	348,412
Bayaran & kenaan tetap	77,172	132,840	77,172	132,840
Perhubungan	77,386	62,365	77,386	62,365
Utiliti	500,385	582,929	500,385	582,929
Perkhidmatan ikhtisas	1,925,760	2,022,257	1,925,760	2,022,257
Belanja faedah	169,268	160,056	169,268	160,056
Hapuskira	8,083	5,457	8,083	5,457
Kerugian ke atas penjualan saham	—	(230)	—	(230)
Lain-lain perbelanjaan	9,450,672	396,513	9,450,672	396,513
Jumlah	15,213,526	8,348,797	15,213,526	8,348,797

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2015	2014	2015	2014
	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN WANG WAKAF				
Emolumen	291,633	266,081	291,633	266,081
Penyelenggaraan & pembaikan	207,443	135,964	207,443	135,964
Perkhidmatan ikhtisas	124,716	137,614	124,716	137,614
Hutang Lapuk	2,200	—	2,200	—
Lain-lain perbelanjaan	427,498	1,284,167	427,498	1,284,167
Jumlah	1,053,490	1,823,826	1,053,490	1,823,826
SYARIKAT SUBSIDIARI				
Perbelanjaan subsidiari	7,440,481	6,158,281	—	—
Jumlah	7,440,481	6,158,281	—	—
Susutnilai	3,012,911	1,747,119	2,549,309	1,272,177
Rosotnilai	113,164	539,047	75,564	370,247
Jumlah perbelanjaan	99,170,980	69,751,244	91,229,297	62,949,221

20. Cukai

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM	RM
Peruntukan cukai tahun semasa	152,423	94,291
Pelepasan cukai tahun sebelumnya	—	—
Kurangan peruntukan cukai tahun sebelumnya	1,697	96,622
Pindahan dari cukai tertunda	—	(2,581)
Pada akhir tahun kewangan	154,120	188,332

21. Pelarasan tahun lalu

Pelarasan baki wang terkumpul adalah melibatkan perkara seperti berikut:

Majlis Agama Islam Melaka

	Baki Pada Awal Tahun	Pelarasan	Baki Selepas Pelarasan
	RM	RM	RM
Kumpulan Wang			
Zakat	58,703,316	(136,114)	58,567,202
Baitulmal	12,391,852	(14,255)	12,377,597
Wakaf	26,300,962	3,960	26,304,922
Geran Kerajaan Persekutuan	13,592,738	(1,503,027)	12,089,711
Jumlah	110,988,868	(1,649,436)	109,339,432

22. Instrumen kewangan

Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan

Pendedahan kepada risiko hutang berlaku dalam urusan biasa Kumpulan. Ahli Lembaga Pengarah menyemak dan meluluskan polisi untuk menguruskan risiko ini sebagaimana tersenarai di bawah:

(a) Risiko hutang

Pihak pengurusan mempunyai polisi kredit dan pendedahan Kumpulan kepada risiko ini diawasi dari semasa ke semasa.

Penilaian ke atas kemampuan berhutang dilakukan ke atas semua pelanggan yang memerlukan hutang untuk sesuatu jangka masa.

Pada tarikh lembaran imbalan, tiada tumpuan tertentu kepada risiko hutang. Pendedahan maksimum risiko hutang dibentangkan dalam lembaran imbalan pada nilai dibawa setiap aset kewangan tersebut.

(b) Risiko kos kewangan

Pembiayaan Kumpulan adalah berdasarkan prinsip Syariah di mana margin keuntungannya adalah tetap di sepanjang tempoh pembiayaan.

(c) Nilai saksama

Instrumen kewangan diiktiraf

Bagi tunai dan bersamaan tunai, penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang, pemiutang perniagaan dan pelbagai pemiutang, nilai dibawa adalah hampir sama dengan nilai saksama disebabkan oleh instrumen kewangan ini bersifat jangka pendek.

23. Angka Perbandingan

Angka perbandingan bagi penyata kewangan yang disatukan antara Majlis dan Syarikat Subsidiari dalam kumpulan telah disusun semula di mana perlu supaya bersesuaian dengan pembentangan penyata pada tahun semasa.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 18.

PERINTAH PENTADBIR TANAH DI BAWAH SEKSYEN 100

ORDER OF LAND ADMINISTRATOR UNDER SECTION 100

Bahawasanya Notis Tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara telah diserahkan kepada tuan punya tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan suatu catatan tentang penyampaian notis itu telah diendors dalam Daftar Dokumen Hakmilik.

Bahawasanya amaun yang dinyatakan dalam ruang (4) sebagaimana yang ditetapkan dalam notis itu telah tidak dibayar kepada Pentadbir Tanah pada atau sebelum 26 Mei 2015.

Oleh itu, saya dengan Perintah ini mengisytiharkan bahawa tanah itu terlucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Whereas a Notice of Demand in Form 6A of the National Land Code has been served on the proprietor of the land described in the Schedule and a note of the service of such notice has been endorsed on the Register Document of Title.

Whereas the amount specified in column (4) as prescribed in such notice has not been paid to the Land Administrator on or before 26 May 2015.

Therefore, I by this Order declare such land forfeit to the State Authority.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Pekan No. Lot Keluasan Perihal dan No. Hakmilik Rujukan Fail	Tarikh Penyampaian Borang 6A	Tarikh Pengendorsan Daftar Dokumen Hakmilik	Amaun Kena Bayar dalam Borang 6A
<i>No.</i>	<i>Village Lot No. Area Description and No. of Title File Reference</i>	<i>Date of Service of Form 6A</i>	<i>Date of Endorsement on Register Document of Title</i>	<i>Amount Due in Form 6A</i>
1.	Sungei Udang Sek. II 323 446 meter persegi/square metres GRN 36738 PTMT. B3/116/2013/ PSU. 2/99	26-2-2015	30-4-2015	RM17,687.80

Bertarikh 22 Disember 2016

Dated 22 December 2016
[PTMT. B3/116/2013/PSU. 2/99;
PUNM. 700-02/1/150]

ANIS BINTI ALI HASAN
*Pentadbir Tanah Daerah/
District Land Administrator
Melaka Tengah*

No. 19.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

(Section 130)

NOTICE OF REVERSION TO THE STATE

Bahawasanya, menurut peruntukan seksyen 100 Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisytiharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa pelucuthakan tersebut telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

Whereas, pursuant to provision of section 100 of the National Land Code, the land scheduled below has by order been declared forfeit to the State Authority.

Notice is hereby given that such forfeiture has this day taken effect and that, in consequence of its vesting in the State Authority—

- (a) any title or interest in the land heretofore substituting or capable of rising is extinguished; and
- (b) the issue document of title to the land is void and is impoundable by the State.

JADUAL TANAH YANG DILUCUTHAK

SCHEDULE OF FORFEITED LAND

Bil.	Pekan	No. Lot	Perihal dan No. Hakmilik	Keluasan	Rujukan Fail
<i>No.</i>	<i>Village</i>	<i>Lot No.</i>	<i>Description and No. of Title</i>	<i>Area</i>	<i>File Reference</i>
			GRN	Meter Persegi/ Square Metres	
1.	Sungei Udang Sek. II	323	36738	446	PTMT. B3/116/2013/ PSU. 2/99

Bertarikh 22 Disember 2016

Dated 22 December 2016

[PTMT. B3/116/2013/PSU. 2/99;

PUNM. 700-02/1/150]

ANIS BINTI ALI HASAN
*Pentadbir Tanah Daerah/
 District Land Administrator
 Melaka Tengah*

No. 20.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
(OR NEW ISSUE DOCUMENT IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik yang dikeluarkan telah hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to replace the issue document of title to the land described in the Schedule below for the following reason:

The issue document of title has been lost.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Bandar/Pekan/ Mukim	No. Lot/ Petak/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Keluasan	No. Fail
<i>No.</i>	<i>Town/Village/ Mukim</i>	<i>Lot/Parcel/ L.O. No.</i>	<i>Description and No. of Title</i>	<i>Area</i>	<i>File No.</i>
			<i>Geran/Grant</i>	<i>Meter Persegi/ Square Metres</i>	
1.	Rembia	1137	17260	102	PHTM.PH.657/10 Jld. 4(1)
2.	Kawasan Bandar VII	141	21609	1221.6428	PHTM.PH.657/10 Jld. 4(1)
			<i>Pajakan Negeri/ State Lease</i>		
3.	Balai Panjang	6074	23414	465	PHTM.PH.657/10 Jld. 4(1)

Bertarikh 24 Oktober 2016

Dated 24 October 2016

[PTHM.PH.657/10 Jld. 4(1);

PUNM. 700-02/1/150]

MOHD HAFIZAL BIN SHARIF
*Timbalan Pendaftar Hakmilik Geran
Melaka/
Deputy Registrar of Land Title
Malacca*

No. 21.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI NIAT UNTUK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU DOKUMEN KELUARAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICE OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION
